



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SEMPENA  
PROGRAM TAKLIMAT DAN PAMERAN PUBLIC-PRIVATE  
RESEARCH NETWORK 2.0**

**22 FEBRUARI 2023 (RABU)  
DEWAN BESAR UPM**

***DISEDIAKAN OLEH  
SEKRETARIAT UPM***



Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir Seluruh Alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.

### **TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI Pengerusi Majlis,**

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
- Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi
- Yang Berbahagia Professor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman bin Mohamed, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia
- Yang Berbahagia Professor Dr. Nazamid Saari,
- Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Putra Malaysia
- Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Wan Nurhayati Wan Ab. Rahman Pengarah, Program Taklimat dan Pameran Public-Private Research Network 2.0
- Naib-naib Canselor, Universiti Swasta
- Wakil-wakil Kementerian
- wakil-wakil daripada Universiti Awam dan Swasta, serta pihak industri

Tuan-tuan dan puan-puan, sidang hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah saya melafazkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmatnya **Program Taklimat dan Pameran Public-Private Research Network 2.0 Zon Tengah** dapat dilaksanakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia.

2. Saya amat berterima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi kerana telah memberi kepercayaan kepada Universiti Putra Malaysia bagi merancang dan melaksanakan **Program Taklimat dan Pameran *Public-Private Research Network 2.0* Zon Tengah** yang julung-julung kali diadakan.
3. Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta atau Public-Private Research Network ialah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia bagi merealisasikan usahasama dan kerjasama akademia-industri menerusi penghasilan inovasi yang berasaskan permintaan industri dalam memacu peningkatan produktiviti serta mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia.
4. Penganjuran program hari ini sangat penting kepada pemegang taruh bagi menghebahkan maklumat berkenaan PPRN dan pengisian berkaitan kepada seluruh warga universiti awam, swasta dan komuniti industri. Semoga program seumpama ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan kesinambungan momentum PPRN yang lebih mantap. Kami di UPM amat mendokong usaha ini.
5. Saya secara peribadi amat tertarik dengan kepelbagaian latar belakang dan kepakaran di pelbagai sektor yang telah berjaya menyempurnakan projek mereka, mahupun yang masih di dalam proses pelaksanaan. KPT bersama UPM sebagai penganjur telah memainkan peranan yang amat baik dalam menghimpunkan kesemua penyelidik, industri, agensi kerajaan, swasta serta akademia yang cemerlang di dalam satu program pada hari ini.

Yang Berhormat Dato',

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

6. Untuk makluman, UPM sebagai sebuah menara ilmu telah melalui pelbagai transformasi sejak dari penubuhannya pada 1931 dari sebuah sekolah pertanian kecil kini menjadi salah sebuah Universiti Penyelidikan yang terunggul di Malaysia serta dikenali di peringkat antarabangsa. Pelbagai kejayaan dan pencapaian cemerlang telah diraih dan akan terus "Memahat Gemilang, Mbingkas Kelangsungan al-Falah" sebagaimana iltizam warga UPM.

7. QS World University Ranking 2023 pada tahun lalu mengiktiraf UPM di kedudukan ke-123 universiti terbaik dunia dan ke-2 di Malaysia seharusnya dijadikan suntikan semangat dan melonjakkan lagi tahap kecemerlangan UPM dalam memberi sumbangan bermakna kepada kesejahteraan masyarakat dan membantu kerajaan dalam usaha membangunkan negara.
8. Mutakhir ini isu keterjaminan makanan yang dihadapi oleh masyarakat, industri dan negara adalah penting dan perlu diberikan perhatian. UPM melalui penghasilan teknologi dan pengkomersilan inovasi dapat menyumbangkan terhadap teknologi makanan dan pertanian yang memberi impak kepada keterjaminan makanan negara dengan penghasilan inovasi dan R&D berimpak tinggi secara berterusan dan juga melalui teknologi yang telah berjaya dikomersilkan.
9. Selaras dengan **Pelan Strategik UPM 2021-2025**, UPM memandang serius peranan dan obligasi untuk mewujudkan hab penyelidikan dan inovasi yang menjana nilai berteraskan ekosistem lestari. Objektif utamanya bagi menghasilkan inovasi ke arah penjana nilai kepada universiti, industri dan juga masyarakat.
10. Seajar dengan matlamat ini, UPM giat mengambil pra-karsa bagi menghasilkan penyelidikan yang dapat melahirkan inovasi serta produk yang berpotensi untuk dikomersilkan.
11. Sehingga kini, sejumlah **223 harta intelek** daripada **2166 harta intelek** UPM telah berjaya dikomersilkan meliputi pelbagai bidang terutamanya melibatkan pertanian, makanan, kesihatan, bioteknologi, kejuruteraan, serta sains dan sosial.
12. Ia merupakan sumbangan UPM melalui penghasilan inovasi yang kompetitif, hasil daripada pembangunan penyelidikan dan pengkomersilan inovasi mapan bagi membantu komuniti, masyarakat, industri dan negara dalam memastikan kelestarian industri pertanian dan keselamatan makanan adalah terjamin.

Yang Berhormat Dato',  
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Untuk makluman, sejak PPRN diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2015, UPM telah menerima sebanyak **36 projek** daripada pelbagai kluster penyelidikan dengan sejumlah peruntukkan adalah sebanyak **RM 1,257,370.00**.
14. Saya bagi pihak UPM amat berharap melalui hubungan sinergi antara akademia, industri dan komuniti institusi pengajian tinggi yang lain, komuniti industri akan membuka lebih banyak peluang bagi membantu mengetengahkan lagi hasil pencapaian inovasi penyelidik tempatan dan pada masa yang sama membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat.
15. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetamu kehormat, rakan industri, dan agensi, warga penyelidik dari semua IPT serta pentadbir UPM yang dapat hadir dan turut memeriahkan program pada hari ini.
16. Semoga program pada hari ini memberi manfaat dan inspirasi kepada yang hadir terutamanya akademia dan industri untuk terus mewujudkan sinergi kerjasama dalam usaha memastikan pengkomersilan produk yang berasaskan teknologi dan inovasi yang memberi impak positif serta solusi kepada perkembangan industri, kemakmuran masyarakat dan kemajuan negara.
17. Tahniah diucapkan kepada **17 projek** yang telah berjaya menerima geran PPRN 2.0, dan telah mempamerkan kejayaan mereka di dalam dewan ini.
18. Terima kasih juga saya ucapkan kepada kesemua panel forum yang sudi hadir untuk berkongsi informasi mahupun pengalaman. Saya mengharapkan agar ia memberikan impak yang positif kepada semua.

19. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Kerja **Program Taklimat dan Pameran Public-Private Research Network 2.0 Zon Tengah UPM** selaku tuan rumah dengan kerjasama pihak PPRN, Kementerian Pendidikan Tinggi di atas penganjuran program ini. Semoga segala penat lelah, tenaga, buah fikiran yang telah dicurahkan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Semoga segala usaha kita Allah rahmati dan berkati serta dihitung sebagai amal kebaikan. Insya-Allah

20. Akhir kata saya sudahi dengan serangkap pantun:

Seruan Al-Falah di awal pagi,  
Semangat ukhwhah disimpul erat,  
Ilmu dicari tak akan rugi,  
Buat bekalan dunia akhirat.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan lafaz mulia **Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.

**“BERILMU BERBAKTI”**

**YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD ROSLAN BIN SULAIMAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
22 FEBRUARI 2023**